



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV
DAN PENGESANAN KES BAHARU DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin melaporkan mengenai **pertambahan dua (2) kes baharu 2019 novel coronavirus (2019-nCoV)** yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Kebangsaan pada 3 Februari 2020.

Kes baharu yang pertama Seorang lelaki warganegara China berumur 63 tahun yang berasal dari Wuhan, China dan tiba di KLIA pada 18 Januari 2020. Beliau mula mengalami demam ringan pada 23 Januari 2020 dan telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur. Kes telah dimaklumkan kepada KKM dan beliau telah diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemantauan (*home surveillance*) untuk tempoh 14 hari. Pada 2 Februari 2020, demam masih berterusan dan beliau telah dimasukkan ke HKL bagi menerima rawatan lanjut. Ujian makmal positif 2019-nCoV pada 3 Februari 2020. Pesakit kini berada dalam wad isolasi dan dalam keadaan stabil.

Kes baharu yang kedua merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 41 tahun. Beliau mempunyai sejarah perjalanan ke negara jiran dari 16 hingga 23 Januari 2020, bagi menghadiri mesyuarat yang turut dihadiri oleh beberapa delegasi antarabangsa termasuk negara China. Beliau telah pulang ke Malaysia pada 23 Januari 2020. Pada 29 Januari 2020, beliau telah mendapatkan rawatan di sebuah pusat perubatan swasta di Selangor kerana demam dan batuk. Selanjutnya beliau telah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh pada 2 Februari 2020 dan dimasukkan ke wad isolasi. Beliau telah disahkan positif 2019-nCoV pada 3 Februari 2020 dan kini kes berada dalam keadaan stabil. KKM telah berhubung dengan Kementerian Kesihatan negara jiran tersebut dan mereka mengesahkan bahawa aktiviti *contact tracing* telah dimulakan. KKM sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan negara jiran yang terlibat bagi mengenalpasti sumber jangkitan berlaku.

Dengan penambahan dua (2) kes baru ini, jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini adalah sebanyak **10 kes**; iaitu lima (5) kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV dan lima (5) kes lagi dalam kalangan kontak rapat. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) kes adalah warganegara China dan seorang adalah warganegara Malaysia.

Sejak saringan dijalankan pada 10 Januari 2020 sehingga 3 Februari 2020 jam 6:00 petang, jumlah kumulatif kes PUI jangkitan 2019-nCoV adalah 213 orang; di mana 122 adalah warganegara Malaysia, 86 warga China dan masing-masing satu (1) warganegara Australia, Republik Korea, Jordan, Brazil dan Thailand. Lima (5) kes telah disahkan positif 2019-nCoV, 188 adalah negatif 2019-nCoV dan 20 kes masih menunggu keputusan makmal (Lampiran 1).

Buat masa ini, kontak rapat kepada kes positif 2019-nCoV setakat hari ini adalah seramai 36 orang. Daripada jumlah ini, seramai lima (5) kes telah disahkan positif jangkitan 2019-nCoV dan dimasukkan ke wad isolasi di Hospital Sungai Buloh (4) dan Hospital Permai (1). Kesemua kes ini adalah dalam keadaan stabil. Manakala ujian makmal ke atas 27 kontak rapat lain didapati negatif jangkitan 2019-nCoV, manakala empat (4) lagi masih menunggu keputusan (Lampiran 1).

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dan akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan mengenainya dan dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh KKM.

DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

4 Februari 2020